

28 NOV 1996

Umno - MT

MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat Pertama MT Umno Sejak Pemilihan

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Tertinggi Umno sejak pemilihan parti pada 10 Okt lepas.

Pemilihan itu menyaksikan pemilihan semula tanpa pertandingan Dr Mahathir sebagai presiden dan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai timbalan presiden bagi tempoh 1996/99.

Bagaimanapun pertandingan diadakan bagi tiga jawatan naib presiden dan 25 anggota MT. Pertandingan juga berlangsung bagi jawatan ketua pemuda dan ketua wanita serta Exco masing-masing.

Dr Mahathir pada mesyuarat malam ini dijangka mengumumkan perlantikan pemegang-pemegang jawatan ibu pejabat parti dan 10 anggota MT yang dilantik.

Mengikut perlembagaan parti, presiden diberi kuasa melantik setiausaha agung, bendahari agung, ketua penerangan dan 10 anggota. Beliau juga diberi kuasa melantik pengerusi badan perhubungan Umno negeri.

Keseluruhannya, MT Umno mengandungi 45 anggota -- presiden, timbalan presiden, tiga naib presiden, ketua pemuda dan ketua wanita yang berstatus naib presiden, setiausaha agung, bendahari agung, ketua penerangan, 25 anggota dipilih dan 10 anggota dilantik.

Jawatan setiausaha agung sebelum ini disandang oleh Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat, bendahari agung Tun Daim Zainuddin dan ketua penerangan Tan Sri Hussein Ahmad.

Pada pemilihan lepas, lima menteri -- Tan Sri Muhyiddin Yassin (Belia dan Sukan), Datuk Syed Hamid Albar (Pertahanan), Datuk Sabbaruddin Chik (Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan), Datuk Seri Rafidah Aziz (Perdagangan Antarabangsa dan Industri), dan Datuk Annuar Musa (Pembangunan Luar Bandar) -- yang sebelumnya menganggotai MT gagal mempertahankan jawatan atau dipilih ke jawatan yang mereka tandingi.

Dua menteri besar -- Tan Sri Ramli Ngah Talib (Perak) dan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad (Negeri Sembilan) -- juga gagal dipilih. Ramli gagal dalam pertandingan jawatan naib presiden sementara Isa tewas dalam perebutan jawatan ketua pemuda.

Menteri Besar Kedah Datuk Seri Sanusi Junid tidak bertanding bagi sebarang jawatan.

Mesyuarat malam ini dijadualkan bermula dengan acara angkat sumpah anggota.

Menurut sumber parti, Dr Mahathir akan memberi amanat pertamanya bagi penggal baru ini.

Berikut ialah senarai 25 anggota MT yang dipilih:

1. Datuk Dr Abdul Hamid Othman (Menteri di Jabatan Perdana Menteri)
2. Datuk Abdul Ghani Othman (Menteri Besar Johor)
3. Datuk Mustapa Mohamed (Menteri Pembangunan Usahawan)
4. Datuk Ali Rustam (Timbalan Menteri Pengangkutan)
5. Datuk Seri Mohamed Zin Abdul Ghani (Ketua Menteri Melaka)
6. Datuk Dr Mohamed Yusof Nor (anggota exco Terengganu)
7. Tan Sri Mohamed Khalil Yaakob (Menteri Besar Pahang)
8. Datuk Dr Affifuddin Omar (Timbalan Menteri Kewangan)
9. Datuk Seri Shahidan Kassim (Menteri Besar Perlis)
10. Datuk Mohamed Tajol Rosli Ghazali (Timbalan Menteri Perumahan dan

Kerajaan Tempatan)

11. Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir (Timbalan Menteri Sumber Manusia)
12. Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad (Menteri Besar Terengganu)
13. Datuk Dr Ibrahim Saad (Timbalan Menteri di JPM)
14. Datuk Hasan Arifin (Timbalan Menteri Besar Pahang)
15. Datuk Osu Haji Sukam (Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi)
16. Datuk Raja Ariffin Sulaiman (Timbalan Menteri di JPM)
17. Datuk Drs Suleiman Mohamed (Timbalan Menteri Penerangan)
18. Datuk Nazri Tan Sri Aziz (Timbalan Menteri di JPM)
19. Datuk Shafie Apdal (Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan)
20. Datuk Haji Khalid Yunus (Timbalan Menteri Pendidikan)
21. Datuk Megat Junid Ayob (Timbalan Menteri Dalam Negeri)
22. Datin Paduka Zaleha Ismail (Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat)
23. Datuk Salleh Tun Said Keruak
24. Datuk Abu Hassan Omar (Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Ehwal Pengguna)
25. Datuk Shahrizat Abdul Jalil (Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan).

-- BERNAMA

SJ NMO